

PEPATAH MELAYU



Pepatah Melayu terdapat pengulangan kata di dalamnya untuk penegasan, falsafah, atau pengajaran yang hendak disampaikan.

Pepatah	Maksud
Banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam	setiap orang mempunyai cita rasa masing-masing yang berbeza-beza
Cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga	jika seorang daripada ahli keluarga mendapat kesusahan, maka ahli-ahli yang lain juga turut berasa susah
Diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat	pendiam yang pandai itu berguna tetapi yang bodoh langsung tidak membawa apa-apa faedah
Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	kalau seseorang itu mempunyai cita-cita, tentu dia akan berusaha untuk mencapainya
Ditelan mati emak, diluah mati bapa	Dalam keadaan yang serba salah untuk membuat keputusan
Gajah di hadapan mata tak nampak, semut di seberang lautan nampak	Kesalahan orang lain selalu nampak biar pun kecil saja. Tetapi kesalahan besar sendiri tidak disedari
Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama	setiap orang yang telah meninggal dunia dikenang kerana jasa bakti yang telah dikenang kerana jasa bakti yang telah dilakukan semasa hidup
Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa	kebolehan seseorang itu tidak boleh diukur melalui usia atau saiz seseorang itu
Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa	kita harus berterima kasih kepada orang yang membantu kita
Rambut sama hitam, hati lain-lain	setiap orang mempunyai pendapat atau kemahuan yang berbagai-bagai



LIVEWORKSHEETS





Praktis

Menonton klip kartun "Pada Zaman Dahulu" berikut kemudian tuliskan pepatah yang anda dapat daripada klip tersebut serta maksudnya.

	Pada Zaman Dahulu "Rusa dan Tanduknya"
	Pepatah:
	Maksud:

	Pada Zaman Dahulu "Ayam Jantan dan Merpati"
	Pepatah:
	Maksud:

	Pada Zaman Dahulu "Ayam dan Semut"
	Pepatah:
	Maksud:




Nama…… Nombor…….



LIVEWORKSHEETS